



PETA DAN JEJAK YANG DISARANKAN

JEJAK WARISAN ORCHARD

Jejak Warisan Orchard adalah sebahagian daripada usaha berterusan Lembaga Warisan Negara untuk mendokumentasikan dan memperkenalkan sejarah dan kenangan sosial mengenai tempat-tempat di Singapura. Kami berharap ia dapat membawa kembali kenangan manis bagi mereka yang telah bekerja, tinggal atau beriadah di kawasan tersebut, dan agar ia menjadi suatu sumber maklumat yang boleh digunakan oleh pengunjung.

Disokong oleh



Orchard Road, 1930-an
Ihsan Muzium Negara Singapura, Lembaga Warisan Negara

LALUAN JEJAK PENDEK YANG DISARANKAN

Kawasan Orchard Road telah berubah dari sebuah kawasan pendalaman pada 1800-an hingga menjadi nadi sektor pelancongan dan runcit Singapura hari ini. Melalui tiga jejak tematik di bawah ini, anda berpeluang mengenali masyarakat, institusi, perniagaan dan warisan semula jadi yang menyumbang kepada sejarah kaya di kawasan ini.

Permata sejarah Orchard Road

40 min berjalan kaki; atau 30 minit dengan menaiki bas (2.2km)

Kawasan Orchard Road mempunyai sejarah sepanjang 200 tahun, dan ia mengandungi mercu tanda bersejarah yang merupakan warisan masyarakat yang tinggal dan bekerja di Orchard Road, jauh sebelum ia menjadi laluan yang dikenali dengan pelbagai pusat beli-belah.



Mulakan perjalanan anda di pintu pagar **Kedutaan Diraja Thai**, yang suatu masa dahulu merupakan sebahagian daripada dusun buah pala Claymore yang mengandungi rumah yang dikenali sebagai Hurricane Cottage (kemudiannya Hurricane House). Pada akhir 1800-an, Raja Chulalongkorn dari Siam (sekarang Thailand) membeli Hurricane House dan rumah itu kemudiannya digunakan sebagai Konsulat Siam (kini Kedutaan Diraja Thailand).*



Dari sini, anda dapat melihat **Ngee Ann City** di seberang jalan, yang dibina oleh Ngee Ann Kongsi di tapak bekas perkuburan Teochew pada 1980-an. Di sebelah Ngee Ann City adalah Hotel Mandarin Orchard, bangunan tertinggi di Singapura ketika dibuka pada 1971.



Di belakang perhentian bas ialah **The Heeren**, tapak bangunan asal Heeren dibina pada 1931 oleh Chee Swee Cheng, seorang ahli perniagaan Peranakan. Di sini, anda boleh mencari arca yang dinamakan Budak-budak - sebuah peringatan warisan Peranakan di kawasan itu.

Dari kedutaan, jalan ke pintu masuk stesen MRT Orchard Shaw House, gunakan jejambat ke Scotts Square dan tuju ke **Tang Plaza**. C K Tang ialah gedung beli belah pertama dibuka di Orchard Road pada 1958 kerana pemiliknya Tang Choon Keng melihat potensi Orchard Road sebagai hab beli-belah. Bangunan C K Tang yang asal telah dibangunkan semula menjadi Tang Plaza pada 1980-an.



Seterusnya, gunakan Scotts Road dan jalan ke **Hotel Goodwood Park**, Monumen Negara yang dibina pada 1900 sebagai kelab sosial Jerman yang dikenali sebagai Teutonia Club. Kemudian patah balik ke arah Far East Plaza, di situ anda boleh menaiki bas atau terus berjalan ke perhentian bas bertentangan Hotel Mandarin Orchard.

*Kedutaan Diraja Thailand tidak dibuka bagi kunjungan namun ia sering menganjurkan perayaan kebudayaan yang dibuka kepada orang ramai. Sila semak laman Facebook kedutaan itu untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Masyarakat dan tanah perkuburan

1 jam 15 min berjalan kaki (3.6km)

Orchard Road kini dipenuhi dengan pusat beli-belah, restoran dan kedai-kedai hiburan, namun Orchard Road pada masa lalu mempunyai ciri yang berbeza - dipenuhi dengan tempat ibadah, sekolah, rumah, pertubuhan masyarakat dan tanah perkuburan.



Mulakan perjalanan anda dari Pintu Keluar B di stesen **MRT Dhoby Ghaut**, yang satu masa dahulu merupakan tapak bekas Kuil Sri Sivan, tapak agama yang pertama dikenali di Orchard Road. Tapak suci Hindu ini berkhidmat kepada pekerja dhobi yang bekerja di sebuah *ghat* (tangga di tepian air) di Stamford Canal. Di belakang kuil itu terletak bekas tanah perkuburan Yahudi yang dibuka pada 1841.

Ikuti laluan ke arah Handy Road untuk melihat **Gereja Presbyterian Orchard Road*** dan **YMCA** di sebelah kiri. Ruang ini masing-masing berkhidmat sebagai tempat ibadah dan perkhidmatan masyarakat bagi penduduk awal Orchard Road. Patah balik ke **Dhoby Ghaut Green**, gunakan Penang Road, seberang ke **Red Cross House**, yang dibina pada 1960, dan pelajari tentang usaha amal Persatuan Palang Merah.



Seterusnya, kembali ke Penang Road dan lintasi Clemenceau Avenue di sebelah kiri hingga sampai di **Rumah Tan Yeok Nee**. Monumen Negara ini merupakan satu-satunya rumah besar Teochew yang mempunyai pelbagai halaman, yang masih wujud di Singapura. Anda boleh mengagumi seni bina yang berjalin-jalin, kemudian tuju ke arah Cuppage Road, di mana anda akan temui **Cuppage Terrace**, deretan rumah kedai zaman sebelum perang yang dipulihara.



Di penghujung Cuppage Road letaknya **Sian Teck Tng**, sebuah kuil Buddha yang berusia seabad dan bekas rumah tumpangan

wanita. Sila ambil perhatian bahawa tapak ini tidak dibuka kepada orang ramai. Selepas melihat kuil, anda mungkin ingin berehat seketika di The Centrepoint, tapak pertama rangkaian pasaraya Cold Storage.

Dari The Centrepoint, tuju ke **Emerald Hill**, kejiranan kediaman yang dipulihara. Semasa anda berjalan ke Emerald Hill, anda akan melalui rumah kedai tradisional dan juga bekas **Sekolah Perempuan Cina Singapura**. Sila maklum bangunan sekolah itu tidak dibuka kepada orang ramai.



Beralih ke Hullet Road, belok kiri di Cairnhill Road supaya anda tiba di persimpangan Orchard Road, dan jalan ke Bideford Road di belakang **The Heeren**, di situ anda akan temui **Masjid Al-Falah**. Masjid Al-Falah adalah satu-satunya masjid di Orchard Road hari ini. Sila tanggalkan kasut anda jika anda ingin memasuki masjid.

Dari masjid, teruskan perjalanan ke arah stesen MRT Orchard, dan anda akan melihat **Ngee Ann City** di seberang jalan, yang merupakan bekas tapak perkuburan Teochew. Jejak ini berakhir di **Tang Plaza**, di mana kedai utama Orchard Road, C K Tang, dibuka pada 1958. Usaha ini menandakan permulaan transformasi Orchard Road dari kawasan kediaman menjadi jalan penuh dengan pusat beli-belah moden.

*Pengunjung boleh memasuki Gereja Presbyterian Orchard Road setelah memaklumkan kakitangan gereja dan jika tidak ada perkhidmatan yang sedang dijalankan di gereja itu.

Dari dusun buah menjadi taman

2 jam berjalan kaki; atau 1.5 jam dengan menaiki bas (4.7km)

Kawasan Orchard Road pernah dipenuhi dengan dusun buah pala dan biarpun dusun ini sudah lama tiada, kawasan ini masih menawarkan banyak ruang hijau termasuk Butterfly Trail @ Orchard dan Tapak Warisan Dunia UNESCO yang pertama di Singapura.



Mulakan perjalanan anda di Dhoby Ghaut Green, di luar Pintu Keluar B Stesen MRT Dhoby Ghaut. Kawasan ini pernah menjadi sebahagian daripada Taman Bunga dan Eksperimen yang ditubuhkan oleh Stamford Raffles pada 1822. Ia kini sebuah ruang masyarakat yang memaparkan sebuah panggung terbuka dan Pusat Seni Visual.



Dari sini, seberangi Penang Lane hingga sampai ke **Istana Park**, yang mengandungi kolam lily dan taman yang subur yang merupakan sebahagian daripada Butterfly Trail @ Orchard. Pandang ke arah Penang Road dan anda dapat melihat **Rumah Tan Yeok Nee** yang pernah menjadi milik Encik Tan yang memiliki banyak ladang gambir pada tahun 1800-an. Bangunan itu telah diwartakan sebagai Monumen Negara pada 1974.




Seterusnya seberang Buyong Road dan apabila tiba di persimpangan Oxley Road, seberang ke **Ruang Terbuka Penang Road**. Ruang ini mengandungi sebuah lagi taman rama-rama. Kawasan ini merupakan bekas tapak dusun buah pala Thomas Oxley pada 1840-an sebelum ia menjadi kawasan perumahan. Di seberang Somerset Road, anda dapat melihat bangunan indah yang dipulihara (sebahagian daripada **Winsland House II**) di kejiranan ini.



Teruskan jalan melewati Pejabat Pos Killiney menuju Orchard Road, seberang di persimpangan Koek Road dan tuju ke Emerald Hill. Kawasan yang dipulihara ini merupakan bekas tapak dusun buah pala, tetapi kini merupakan kawasan kejiranan yang terkenal dengan rumah teres dan rumah kedai tradisional. Di puncak Emerald Hill, belok kiri dan seberang ke Cairnhill Road di mana anda akan menemui deretan rumah teres yang dibina semasa zaman sebelum perang yang kini dipulihara.

Di persimpangan Tanglin Mall, belok kanan ke Napier Road dan tuju ke **Taman Bunga Singapura**, yang merupakan perhentian terakhir bagi jejak ini. Anda boleh mendapatkan peta di Pusat Botani yang terletak berhampiran Tanglin Gate atau anda boleh pergi ke Holtum Hall yang berdekatan, yang menempatkan Muzium Warisan untuk mengetahui tentang evolusi taman itu daripada ladang gambir menjadi Tapak Warisan Dunia UNESCO.



HERITAGE SITES IN THE SUGGESTED SHORT TRAIL ROUTES



CATHAY BUILDING



CUPPAGE TERRACE



DHOBY GHAUT



EMERALD HILL



FORMER ORCHARD ROAD MARKET



FORMER SCGS



GLENEAGLES HOSPITAL



GOODWOOD PARK HOTEL



HOUSE OF TAN YEOK NEE



ISTANA



MACDONALD HOUSE



MASJID AL-FALAH



ORCHARD ROAD PRESBYTERIAN CHURCH



RED CROSS HOUSE



ROYAL THAI EMBASSY



SINGAPORE BOTANIC GARDENS



TANG PLAZA



TUDOR COURT



WINSLAND HOUSE II



YMCA

Untuk maklumat lanjut, sila muat turun Panduan Bimbingan Jejak Warisan Orchard dari www.roots.sg.

All information contained in this trail map is provided in good faith, and every reasonable effort has been made to ensure that the information is accurate and up to date at time of print. Accordingly, NHB makes no warranty or representation relating to the trail map and all information contained therein, and users relying on any of the information contained in the trail map shall do so at their own risk and diligence.

©2018 National Heritage Board. All rights reserved.